

PERBARISAN BULANAN KOMANDER PANGKALAN UDARA KUANTAN

Contributed by Mej Kamarulzaman bin Ali TUDM
Tuesday, 23 March 2010

Perbarisan bulanan Komander Pangkalan telah diadakan pada 23 Mac 2010 bertempat di Perkarangan Hangar Cawang kejuruteraan. Pada 23 Mac 2010, maka genaplah 90 hari, Komander Pangkalan iaitu Kol Hj Ibrahim bin Hashim TUDM memimpin Pangkalan Udara Kuantan. Perbarisan juga menyaksikan pemakaian pangkat kepada 05 x LLP.

Komander Pangkalan dalam ucapannya menasihatkan kepada semua peringkat anggota yang berkhidmat di PU Kuantan dapat menjalankan tugas serta tanggungjawab dengan amanah. Selain menitikbertakan soal disiplin yang semakin berkurangan di antara semua peringkat anggota, Komander juga menyeru kepada semua agar membudayakan sikap berbudi bahasa tanpa mengira pangkat dan latarbelakang. Budaya tegur- menegur perlu diterapkan serta dipraktikkan di dalam kehidupan seharian.